



*Ruj. Kami : ANM(T)81/20/10/3 Jld.16(41)*  
*Tarikh : 1 Mac 2019*

Ketua Setiausaha Kementerian

Ketua Jabatan Persekutuan

Pengarah Bahagian/Negeri/Cawangan  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Tuan/Puan,

**URUSAN PERTIMBANGAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI KUMPULAN  
PELAKSANA PERKHIDMATAN PERAKAUNAN DI BAWAH JABATAN AKAUNTAN  
NEGARA MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini sedang dalam proses mengumpul maklumat bagi urusan pertimbangan kenaikan pangkat Pegawai Kumpulan Pelaksana Perkhidmatan Perakaunan di bawah Jabatan Akauntan Negara Malaysia yang telah **memangku pada 30 Jun 2018 dan sebelumnya.**

3. Semua permohonan hendaklah menggunakan borang yang dicetak hanya melalui ePerkhidmatan (rujuk Portal JANM). Untuk membuat permohonan, pemohon perlu mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut :

- 3.1 Satu (1) salinan borang permohonan cetak online melalui ePerkhidmatan Kenaikan pangkat (e-Borang JANM/K2);
- 3.2 Salinan Kenyataan Perkhidmatan pegawai yang kemaskini;
- 3.2 Salinan Surat Penempatan Pemangku;
- 3.3 Salinan LNPT bagi 3 tahun terkini; dan
- 3.4 Keputusan Kelulusan Tapisan Keutuhan SPRM

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama tuan/puan dipohon untuk mengemukakan dokumen yang lengkap bagi setiap pegawai yang layak di bawah seliaan tuan/puan ke Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia **sebelum atau pada 15 April 2019** di alamat :

**Pengarah**  
**Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan**  
**Jabatan Akauntan Negara Malaysia**  
**Aras 7, No.1 Persiaran Perdana**  
**Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2**  
**62510 W.P.PUTRAJAYA**  
**(u.p : Urus Setia Kenaikan Pangkat)**


5. Sebarang pertanyaan berhubung urusan kenaikan pangkat ini bolehlah menghubungi pegawai-pegawai berikut :-

<b>Bil</b>	<b>Nama Pegawai</b>	<b>No. Telefon</b>	<b>e-mail Jabatan (@anm.gov.my)</b>
1.	Encik Mohd Naszeri bin Jaiman	03-88821037	naszeri
2.	Puan Nor Fariza binti Sulaiman	03-88821098	fariza
3.	Puan Nur Aqila binti Othman	03-88821098	nuraqila

Sekian, terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**  
**" Peningkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi "**

Saya yang menjalankan amanah,



**(CHE WAN MUHAMMED SALLEH BIN WAN ADNAN)**  
Bahagian Pembangunan Perakaunan  
Dan Pengurusan  
b.p. Akauntan Negara Malaysia  
Tel : 03-88821100  
Email : [salleh.adnan@anm.gov.my](mailto:salleh.adnan@anm.gov.my)